

## PENILAIAN TERHADAP MASALAH-MASALAH PROGRAM PENGIMARAHAN MASJID DI NEGERI PAHANG

### *ASSESSMENT OF MOSQUE PROSPEROUS PROGRAM PROBLEMS IN THE STATE OF PAHANG*

Azlan Abd Rahman<sup>1</sup>  
Dr. Rashidi Abbas<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pelajar PhD Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan, Pahang Darul Makmur (Email: wadah\_mu@yahoo.com)

<sup>2</sup>Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan, Pahang Darul Makmur (Email: rashidi@ump.edu.my)

**Accepted date:** 20-04-2019

**Published date:** 15-09-2019

**To cite this document:** Abd Rahman, A., & Abbas, R. (2019). Penilaian Terhadap Masalah-Masalah Program Pengimarahkan Masjid Di Negeri Pahang. *Journal of Islamic, Social, Economic and Development (JISED)*, 4(23), 97 - 113.

---

**Abstrak:** *Kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengkaji masalah-masalah program pengimarahkan masjid di negeri Pahang. Jumlah responden kajian ini seramai 270 orang. Kajian ini melibatkan sebanyak 9 buah masjid dari tiga lokasi yang berbeza iaitu 3 buah masjid di lokasi bandar, 3 buah masjid di lokasi Felda dan 3 buah masjid di lokasi kampung berdasarkan kaedah rawak daripada populasi kajian. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah campuran, iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kajian ini berbentuk deskriptif data kajian telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS) versi 23.0 bagi memperolehi nilai min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan masalah utama berkaitan guru agama yang tidak hadir kuliah tidak diganti dengan nilai min 2.95. Diikuti guru tidak hadir kuliah tanpa makluman merupakan masalah kedua dengan nilai min 2.82. Seterusnya penyampaian guru kurang difahami merupakan masalah ketiga dengan nilai min 2.80. Manakala penyampaian guru kurang difahami merupakan masalah keempat dengan nilai min 2.65 dan guru tidak menggunakan kitab khas merupakan masalah kelima dengan nilai min 2.60. Manakala masalah berkaitan program pengajian pula, hasil kajian mendapati masalah kurang program khas disusun atau dirancang untuk belia dan remaja oleh pihak masjid merupakan masalah utama dengan nilai min 3.32. Diikuti kurang hebahan atau iklan dibuat merupakan masalah kedua dengan nilai min 3.15. Seterusnya kurang kelas khas untuk muslimat merupakan masalah ketiga dengan nilai min 3.13. Manakala tiada takwim khas perjalanan program pengajian di masjid merupakan masalah keempat dengan nilai min 3.09 dan kurang dana (sumber kewangan) untuk menganjurkan program merupakan masalah kelima dengan nilai min 2.87. Seterusnya masalah berkaitan fasiliti pula, hasil kajian mendapati masalah tiada komputer riba*

*disediakan oleh pihak masjid merupakan masalah utama dengan nilai min 3.34. Diikuti tiada pemancar LCD dan skrin disediakan merupakan masalah kedua dengan nilai min 3.19. Seterusnya peralatan audio sistem kurang memuaskan merupakan masalah ketiga dengan nilai min 3.01. Manakala tiada papan putih disediakan merupakan masalah keempat dengan nilai min 2.95 dan kerosakan pembesar suara lewat dibaiki merupakan masalah kelima dengan nilai min 2.8.*

**Kata Kunci:** *Masjid dan Masalah Pengurusan*

**Abstract:** *The purpose of this study is to study the problems of mosque prosperous programs in the state of Pahang. The total number of respondents in this study was 270. The study involved 9 mosques from three different locations, 3 mosques in the urban area, 3 mosques in the Felda area and 3 mosques in the village location based on random methods from the study population. This research methodology uses mixed methods, namely qualitative and quantitative methods. This descriptive study was analyzed using Statistical Package For Social Sciences (SPSS) version 23.0 to obtain the mean and standard deviation. The findings showed that the main problem regarding religious teachers who did not attend college was not changed to the mean of 2.95. Followed by teachers not attending college without notice is the second issue with a mean of 2.82. Subsequent teacher misunderstandings are the third problem with a mean of 2.80. Whereas the teacher misunderstanding is the fourth problem with the mean of 2.65 and the teacher not using the special book is the fifth problem with the mean of 2.60. Whereas issues related to the program of study, the results showed that the lack of special programs designed or designed for youth and youth by the mosque is a major problem with the mean value of 3.32. This is followed by a lack of word or ad created is the second issue with a mean value of 3.15. The lack of a special class for Muslims is the third problem with a mean of 3.13. While there is no special program travel time at the mosque is the fourth problem with the mean value of 3.09 and lack of funds (financial resources) to organize the program is the fifth problem with the mean value of 2.87. In addition to facilities related issues, the study found that the lack of laptops provided by the mosque was a major problem with the mean value of 3.34. There was no LCD transmitter followed and the screen provided was the second problem with the mean value of 3.19. Subsequently the system poor audio equipment is the third problem with a mean value of 3.01. Whereas no white board was provided as the fourth problem with the mean value of 2.95 and the improved speaker defects were the fifth problem with the mean value of 2.8.*

**Keywords:** *Mosque and Management Problem*

---

### **Pengenalan**

Menurut Aidh Abdullah Al-Qarni (2006), menjelaskan bangunan dan peradaban teragung yang kita miliki di dalam hidup ini adalah masjid. Barang siapa ingin melihat dan mengenal hakikat sebuah kota, maka lihatlah masjid-masjidnya, perhatikanlah segigih mana mereka menjaga dan memperhatikan masjid-masjid? Sejauh mana hubungan mereka dengan masjid? Masjid dibangun untuk melahirkan generasi muslim kelas tinggi yang memiliki kesedaran dan wawasan yang luas.

Menurut Adrie Noor Al-Fatia dan Andriansah (2015), pada zaman Nabi Muhammad SAW di Madinah, masjid menjadi pusat misi Islam. Nabi SAW biasa berkumpul di masjid dan perlakuan ini diikuti oleh para Khulafa Al-Rasyidin. Pada waktu itu, masjid menjadi tempat pendidikan tambahan, namun lama-kelamaan masjid berkembang sehingga didirikan lembaga pendidikan

yang bertempat di sebelah masjid. Sejarah mencatatkan, Rasulullah SAW ketika di Madinah menyediakan tempat di belakang bangunan Masjid Nabawi yang dikenali sebagai *Suffah* yang disediakan untuk kaum Muhajirin yang belum bernikah dan para fakir miskin serta orang-orang datang ke Madinah namun tidak memiliki tempat tinggal. *Suffah* dahulu kala digunakan juga sebagai tempat pendidikan bagi mempelajari al-Quran dan hukum-hukum syariat.

Siti Aishah Hassan (2018), menjelaskan masjid merupakan lambang utama dalam menjana kegemilangan umat Islam di sepanjang zaman. Sejarah telah membuktikan bahawa masjid telah memainkan peranan yang amat besar dalam konteks membina dan memacu pembangunan umat Islam dalam pelbagai aspek. Namun begitu, perubahan masa dan zaman serta pertambahan bilangan masjid menyebabkan peranan dan sistem pengurusan masjid juga menjadi semakin mencabar. Pihak pengurusan institusi masjid sememangnya diamanahkan dengan tugas ke arah memakmurkan institusi masjid melalui perancangan dan pengurusan yang berkualiti dan sistematik.

Menurut Latifah Hamzah (2013), kebanyakan ahli sejarah mengatakan Islam mula bertapak di Tanah Melayu sekitar abad ke-12 Masihi. Ada juga kalangan sejarawan berpendapat Islam telah disebarkan di kawasan ini sekitar abad ke-5 atau ke-7 Masihi. Ketika itu syiar Islam disebarkan melalui kegiatan perdagangan, perluasan kuasa dan aktiviti para pendakwah. Selain daripada peninggalan sejarah seperti batu bersurat, duit syiling dan manuskrip bertulisan Jawi dan Arab sebagai bukti, masjid-masjid menjadi mercu tanda betapa pesatnya penyebaran dan perkembangan agama Islam ini. Kedatangan Islam di rantau ini telah membawa perubahan ketara ke atas pembentukan masyarakat dari aspek ekonomi, sosio budaya dan pendidikan sekaligus berkembangnya ketamadunan dan kegemilangan Islam dari semasa ke semasa. Masjid adalah tempat ibadah bagi umat Islam mengerjakan solat berjemaah dan majlis keagamaan serta pusat aktiviti sosial umat Islam. Masjid juga berperanan sebagai pusat dakwah bagi umat Islam. Masjid adalah tempat penyatuan umat Islam dan simbol perpaduan yang utuh. Masjid mempunyai pengaruh yang besar di dalam pembangunan modal insan. Institusi masjid pada hari ini bukan sekadar menjadi tempat mendengar dan mengambil ilmu tetapi ia juga medan tarbiah dan peradaban masyarakat.

### **Permasalahan Kajian**

Azmi Ahmad (2011), menjelaskan masjid hanya tinggal sebagai bangunan yang tersergam indah dan berdiri megah tetapi sunyi dan lengang daripada ahli-ahli kariah yang sepatutnya datang untuk menghidupkan dan mengimarahkan masjid dengan segala macam amalan dan kegiatan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT dan memesrakan hubungan sesama manusia.

Penyelidik mendapati ada tiga masalah utama yang mempengaruhi program pengimaran masjid dan ia perlu diberi perhatian serius iaitu:

#### **1- Masalah Guru Agama**

Masalah ini berkaitan penyampaian guru yang kurang difahami oleh pendengar. Ada guru yang tidak hadir tanpa makluman. Terdapat guru yang tidak menggunakan kitab khas sewaktu menyampaikan kuliah. Ada didapati guru tidak memberi peluang hadirin bertanya soalan dan ada di kalangan guru yang tidak hadir kuliah tidak diganti oleh guru lain.

## 2- Masalah Program Pengajian

Masalah ini berkaitan kurang hebahan atau iklan sesuatu program yang dibuat. Kurang dana (sumber kewangan) untuk menganjurkan program. Kurangnya kelas khas untuk muslimat, kurang program khas yang disusun untuk belia dan remaja. Di samping itu tiada takwim (jadual) khas perjalanan program pengajian sepanjang tahun.

## 3- Masalah Fasiliti

Masalah ini berkaitan peralatan audio sistem yang kurang memuaskan. Tiada pemancar LCD dan skrin disediakan oleh pihak masjid. Tiada papan putih dan komputer riba disediakan. Ada masa kerosakan pembesar suara lewat dibaiki.

Ketiga-tiga masalah di atas memberi impak besar kepada kelancaran perjalanan kelas pengajian di sesebuah masjid.

Menurut Abdul Munir Ismail (2012), jumlah kehadiran ahli masyarakat ke masjid-masjid kadangkala mendukacitakan. Ini berpunca daripada sikap mereka yang meringankan solat berjemaah di masjid dan sikap kurang prihatin mereka terhadap kelas-kelas pengajian serta aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang diadakan di masjid. Mereka hanya datang untuk solat Jumaat seminggu sekali sahaja.

Menurut Sidek Baba (2015), manusia tidak boleh lepas bebas melakukan sesuatu tanpa pedoman syarak kerana akibatnya manusia akan melakukan dosa dan hal-hal mungkar serta haram yang dikeji Allah. Manusia yang tunduk dengan perintah melakukan solat ingin membangun jiwa rukuk dan sujud. Hal ini dapat mencegah manusia daripada melakukan kekejian dan kemungkaran. Hikmah melakukan solat adalah untuk manusia sendiri. Apabila jiwa tunduk ada dalam diri manusia, maka titah perintah Allah tidak akan dilanggar.

### **Skop Kajian**

Kajian ini hanya difokuskan kepada masjid yang berada di daerah Pekan, Pahang sahaja iaitu yang dikategorikan sebagai masjid bandar, masjid di kawasan Felda dan masjid di kawasan kampung. Responden kajian pula dihadkan kepada jemaah yang hadir ke masjid secara konsisten dan berterusan.

### **Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah untuk:

- i- Menganalisis masalah-masalah berkaitan program pengimaran masjid .
- ii- Mengkaji aspek kelemahan berkaitan guru agama.
- iii- Mengenal pasti aspek kekurangan fasiliti yang ada di masjid.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah termasuklah reka bentuk kajian, metode dan prosedur yang digunakan dalam kajian, sampel, responden, instrumen kajian, pengumpulan dan penganalisan data. Reka bentuk kajian adalah rangka rujuk kepada perkara-perkara seperti pensampelan, pengukuran dan analisis data. Reka bentuk kajian juga merupakan seluruh usaha bermula dari peringkat mengenal pasti permasalahan kajian hinggalah ke peringkat pengumpulan dan penganalisan data. Penyelidik telah memilih instrumen kajian berbentuk soal selidik.

Dalam kajian ini, kaedah soal selidik turut digunakan bagi membantu penyelidik memperolehi data-data penting berkaitan kajian yang dijalankan. Menurut Lay Yoon Fah dan Khoo Chwee Hoon (2014), soal selidik merupakan kaedah pengumpulan data yang paling kerap digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Pada dasarnya, soal selidik bertujuan untuk memperoleh respons tentang satu set item daripada responden kajian. Soal selidik kerap digunakan memandangkan ia bersifat kos-efektif iaitu mudah disediakan dan ditadbirkan kepada kumpulan responden kajian yang besar. Penggunaan soal selidik adalah bersifat piawai memandangkan setiap responden kajian akan menerima set soal selidik yang sama untuk dijawab. Sifat piawai ini akan memudahkan analisis data dan generalisasi dapatan kajian kepada kumpulan yang sampel yang besar. Asmah Omar (2008), menyatakan soal selidik memerlukan adanya soalan-soalan yang hendak diberi dan dikemukakan kepada responden. Soalan-soalan itu hendaklah dimasukkan ke dalam borang yang mempunyai reka bentuk tersendiri. Kaedah temubual pula digunakan untuk mendapatkan pandangan yang lebih jelas, terbuka dan tepat daripada responden.

Tujuan penyelidik menggunakan kaedah soal selidik adalah untuk memastikan data-data yang dikumpulkan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi tanpa sebarang keraguan.

## **Kajian Lepas**

Dalam jurnal yang bertajuk, “Kajian Tentang Maklum Balas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-Masjid Negeri di Semenanjung Malaysia,” oleh Yusmini Md. Yusoff dan Mohd Anwarulhaq (2004), mendapati sebahagian masjid melalui pengurusannya telah berjaya menyusun dan mengurus aktiviti sesuai dengan keperluan masyarakat. Ini ditunjukkan dalam kajian ke atas masjid-masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mendapati 90 peratus responden bersetuju dalam aspek tersebut dan percaya bahawa masjid mampu membina kemantapan moral dan akhlak masyarakat jika aktivitinya diuruskan dengan lebih sempurna.

Menurut Azlan Abdul Rahman dan Rashidi Abbas (2018), dalam jurnal bertajuk “Persepsi Masyarakat Terhadap Program Pengimarahkan Masjid Di Negeri Pahang: Satu Analisis,” memperkatakan masjid adalah tempat ibadah bagi umat Islam mengerjakan solat berjemaah dan majlis keagamaan serta pusat aktiviti sosial umat Islam. Masjid juga berperanan sebagai pusat dakwah bagi umat Islam. Masjid adalah tempat penyatuan umat Islam dan simbol perpaduan yang utuh. Masjid mempunyai pengaruh yang besar di dalam pembangunan modal insan. Institusi masjid pada hari ini bukan sekadar menjadi tempat mendengar dan mengambil ilmu tetapi ia juga medan tarbiah dan peradaban masyarakat.

Bani Hidayat Mohd Shafie et al. (2015), dalam jurnal beliau bertajuk, “Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani,” peranan masjid sangat penting dalam proses untuk mengangkat martabat belia untuk menjadi *khaira ummah*. Semua pihak harus saling berperanan untuk mengangkat semula masjid sebagai pusat pendidikan Islam untuk semua terutamanya golongan belia di samping ia boleh menjadi landasan supaya menjadikan negara ini sebagai

sebuah negara yang mengamalkan amalan-amalan Islam mengikut al-Quran dan Al-Sunah. Pengimarah masjid oleh belia amat penting sekali supaya tradisi yang murni ini adalah merupakan kesinambungan budaya Islam yang telah dirintis oleh golongan para nabi dan sahabat terdahulu yang menjadi obor kepada kegemilangan ummah pada masa yang akan datang. Justeru, golongan belia harus dipandu dan dipimpin untuk melakukan satu anjakan paradigma dalam membuat perubahan dalam kehidupan seharian terutamanya untuk merebut kebahagiaan duniawi dan kesejahteraan ukhrawi yang kekal abadi. Masjid dan agama Islam diibaratkan seperti irama dan lagu yang tidak boleh dipisahkan. Masjid adalah lambang kepada perhubungan antara manusia dan Allah SWT. Dalam sejarah Islam, masjid merupakan satu institusi yang amat penting. Masjid bukan sekadar merupakan satu tempat bagi umat Islam melakukan ibadat-ibadat khusus seperti sembahyang, membaca al-Quran, berzikir dan seumpamanya, bahkan ia telah dijadikan pusat pembangunan dan pendidikan masyarakat Islam yang lebih menyeluruh.

### **Sample Kajian**

Pemilihan sampel kajian ini dilakukan secara rawak mudah. Penyelidik telah mendapatkan senarai masjid daripada Pejabat Agama Islam Daerah Pekan. Kajian ini melibatkan tiga kelompok responden iaitu pegawai-pegawai masjid, guru-guru agama dan ahli jemaah yang hadir. Sejumlah 270 orang responden turut terlibat dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan sebanyak 9 buah masjid dari tiga lokasi yang berbeza iaitu 3 buah masjid di lokasi bandar, 3 buah masjid di lokasi Felda dan 3 buah masjid di lokasi kampung berdasarkan kaedah rawak daripada populasi kajian. Setiap masjid melibatkan seramai 30 orang responden. Ini bermakna jumlah responden masjid di lokasi bandar adalah seramai 90 orang. Manakala responden masjid di lokasi kampung pula berjumlah 90 orang dan masjid di lokasi Felda pula melibatkan seramai 90 orang responden.

Justifikasi pemilihan sampel tersebut adalah untuk mengenal pasti kedudukan masjid di kawasan bandar lazimnya ahli jemaah lebih ramai yang hadir ke kelas pengajian agama. Ini kerana di kawasan bandar didapati banyak taman-taman perumahan yang kedudukannya berhampiran dengan masjid. Manakala pemilihan 3 sampel masjid di kawasan Felda di daerah Pekan adalah untuk menilai kehadiran masyarakat Felda ke kelas-kelas pengajian agama di kawasan mereka. Di Felda, kawasan perumahan mereka berhampiran antara satu sama lain dan berdekatan dengan masjid. Seterusnya justifikasi pemilihan 3 sampel masjid di kawasan kampung pula bertujuan meninjau sambutan ahli kariah terhadap kelas agama di kampung mereka. Biasanya jarak kedudukan rumah di kawasan kampung agak berjauhan di antara satu sama lain. Kedudukan sesebuah masjid juga kadangkala boleh mempengaruhi kehadiran ahli jemaah ke kelas pengajian agama dan aktiviti kemasyarakatan di masjid.

## Hasil Dapatan Kajian

Antara masalah-masalah yang sering timbul berkaitan pengurusan masjid adalah seperti berikut:

### 1- Masalah Guru Agama

Jadual 1: Penilaian Terhadap Masalah-Masalah Program Pengimarahannya Masjid.  
(Masalah Guru Agama) (n=270)

Perkara	Sgt setuju	Setuju	Tidak pasti	Tidak setuju	Sgt tidak setuju
Penyampaian guru kurang difahami	28 (10.4%)	56 (20.7%)	39 (14.4%)	129 (47.8%)	18 (6.7%)
Guru tidak hadir tanpa makluman	22 (8.1%)	49 (18.1%)	74 (27.4%)	109 (40.4%)	16 (5.9%)
Guru tidak menggunakan kitab khas	18 (6.7%)	39 (14.4%)	52 (19.3%)	139 (51.5%)	22 (8.1%)
Guru tidak memberi hadirin peluang bertanya soalan.	19 (7.0%)	47 (17.4%)	42 (15.6%)	145 (53.7%)	17 (6.3%)
Guru yang tidak hadir kuliah tidak diganti	22 (8.1%)	72 (26.7%)	67 (24.8%)	90 (33.3%)	19 (7.0%)

Berdasarkan jadual 1 di atas, penyampaian guru kurang difahami. Seramai 28 responden (10.4%) menyatakan sangat setuju. Diikuti 56 responden (20.7%) menjawab setuju. Seterusnya 39 responden (14.4%) menyatakan tidak pasti. Manakala majoriti 129 responden (47.8%) menyatakan tidak setuju. Baki 18 responden (6.7%) menjawab sangat tidak setuju. Hal ini menunjukkan majoriti responden tidak setuju dikatakan penyampaian guru kurang difahami. Sebaliknya penyampaian guru sebenarnya mudah difahami.

Guru tidak hadir kuliah tanpa makluman. Seramai 22 responden (8.1%) menyatakan sangat setuju. Diikuti 49 responden (18.1%) menjawab setuju. Seterusnya 74 responden (27.4%) menyatakan tidak pasti. Manakala majoriti 109 responden (40.4%) menyatakan tidak setuju. Baki 16 responden (5.9%) menjawab sangat tidak setuju. Hal ini menunjukkan majoriti responden tidak setuju dikatakan guru tidak hadir tanpa makluman. Menurut Zakir Osman (2018), biasanya guru yang tidak hadir kuliah, telah pun memaklumkan kepada pihak masjid.

Guru tidak menggunakan kitab khas. Seramai 18 responden (6.7%) menyatakan sangat setuju. Diikuti 39 responden (14.4%) menjawab setuju. Seterusnya 52 responden (19.3%) menyatakan tidak pasti. Manakala majoriti 139 responden (51.5%) menyatakan tidak setuju. Baki 22 responden (8.1%) menjawab sangat tidak setuju. Hal ini menunjukkan majoriti responden tidak setuju dikatakan guru-guru tidak menggunakan kitab khas sewaktu mengajar di masjid. Menurut Abdullah Kasim (2018), biasanya para guru menggunakan kitab khas semasa mengajar di masjid. Contohnya bagi subjek Tasawuf, mereka menggunakan kitab *Al-Hikam*, *Sirus Salikin*, *Mukashafatul Qulub* dan sebagainya. Subjek akidah menggunakan kitab *Aqidatun Naajin*, *Aqidatul Awam*, *Ahli Sunnah Wal Jamaah* dan sebagainya. Subjek hadis pula

menggunakan kitab *Matan Arba'in*, Kitab *Usul Tahqiq* digunakan untuk mengajar subjek Tauhid. Subjek Tafsir menggunakan kitab Tafsir *Pimpinan al-Rahman*, *Ibrul Asir* dan sebagainya.

Guru tidak memberi hadirin peluang bertanya soalan. Seramai 19 responden (7.0%) menyatakan sangat setuju. Diikuti 47 responden (17.4%) menjawab setuju. Seterusnya 42 responden (15.6%) menyatakan tidak pasti. Manakala majoriti 145 responden (53.7%) menyatakan tidak setuju. Baki 17 responden (6.3%) menjawab sangat tidak setuju. Hal ini menunjukkan majoriti responden sebenarnya tidak setuju dikatakan guru tidak memberi hadirin peluang bertanya soalan ketika sesi pembelajaran.

Guru yang tidak hadir kuliah tidak diganti. Seramai 22 responden (8.1%) menyatakan sangat setuju. Diikuti 72 responden (26.7%) menjawab setuju. Seterusnya 67 responden (24.8%) menyatakan tidak pasti. Manakala majoriti 90 responden (33.3%) menyatakan tidak setuju. Baki 19 responden (7.0%) menjawab sangat tidak setuju. Hal ini menunjukkan majoriti responden sebenarnya tidak setuju dikatakan guru yang tidak hadir kuliah, tidak diganti oleh guru lain. Menurut Arifin Hasan (2018), biasanya guru yang tidak dapat hadir ke masjid, akan digantikan oleh guru lain.

Hasil kajian mendapati kedudukan masalah utama yang berkaitan guru agama adalah seperti jadual 2 di bawah:

## 2- Masalah Program Pengajian

Jadual 2: Penilaian Terhadap Masalah-Masalah Program Pengimarahkan Masjid.  
(Masalah Program Pengajian) (n=270)

Perkara	Sgt setuju	Setuju	Tidak pasti	Tidak setuju	Sgt tidak setuju
Kurang hebahan atau iklan dibuat	25 (9.3%)	100 (37.0%)	44 (16.3%)	93 (34.4%)	8 (3.0%)
Kurang dana (sumber kewangan) untuk menganjurkan program	27 (10.0%)	78 (28.9%)	58 (21.5%)	93 (34.4%)	14 (5.2%)
Kurang kelas khas untuk muslimat	21 (7.8%)	95 (35.2%)	61 (22.6%)	86 (31.9%)	7 (2.6%)
Tiada takwim khas perjalanan program pengajian.	24 (8.9%)	82 (30.4%)	67 (24.8%)	90 (33.3%)	7 (2.6%)
Kurang program khas disusun atau dirancang untuk belia dan remaja.	41 (15.2%)	93 (34.4%)	57 (21.1%)	72 (26.7%)	7 (2.6%)

Berdasarkan jadual 2 di atas, kurang hebahan atau iklan dibuat. Seramai 25 responden (9.3%) menyatakan sangat setuju. Diikuti majoriti 100 responden (37.0%) menjawab setuju. Seterusnya 44 responden (16.3%) menyatakan tidak pasti. Manakala 93 responden (34.4%)



menyatakan tidak setuju. Baki 8 responden (3.0%) menjawab sangat tidak setuju. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden setuju dikatakan pihak masjid kurang membuat hebahan atau iklan program agama di masjid.

Kurang dana (sumber kewangan) untuk menganjurkan program. Seramai 27 responden (10.0%) menyatakan sangat setuju. Diikuti 78 responden (28.9%) menjawab setuju. Seterusnya 58 responden (21.5%) menyatakan tidak pasti. Manakala majoriti 93 responden (34.4%) menyatakan tidak setuju. Baki 14 responden (5.2%) menjawab sangat tidak setuju. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden sebenarnya tidak setuju dikatakan masjid kurang dana untuk menganjurkan program atau aktiviti di masjid. Menurut Bashir Ahmad (2018), biasanya kutipan tabung derma masjid secara mingguan khususnya pada hari Jumaat mencecah ribuan ringgit. Minimum kutipan derma secara bulanan yang diperolehi pada hari Jumaat sahaja di antara RM3000-RM4000. Ini tidak termasuk kutipan secara harian melalui tabung-tabung khas yang diletakkan di penjuru atau pada tiang masjid.

Amru Alhaz Adnan (2015), menyatakan rata-rata kebanyakan masjid-masjid di Malaysia mempunyai jumlah kutipan yang baik dan konsisten dan memperolehi kutipan yang tinggi pada hari Jumaat. Keadaan ini menjadikan institusi masjid mempunyai jumlah dana yang banyak terutama masjid-masjid yang terletak di kawasan bandar.

Kurang kelas khas untuk muslimat. Seramai 21 responden (7.8%) menyatakan sangat setuju. Diikuti majoriti 95 responden (35.2%) menjawab setuju. Seterusnya 61 responden (22.6%) menyatakan tidak pasti. Manakala 86 responden (31.9%) menyatakan tidak setuju. Baki 7 responden (2.6%) menjawab sangat tidak setuju. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden sebenarnya setuju pihak masjid kurang mengadakan kelas khas untuk muslimat. Menurut Salleh Mat Lateh (2018), biasanya kuliah muslimat diadakan sebulan sekali sahaja. Faktor kuliah tidak dapat diadakan secara mingguan disebabkan kekurangan guru agama wanita.

Tiada takwim khas perjalanan program (kelas) pengajian. Seramai 24 responden (8.9%) menyatakan sangat setuju. Diikuti 82 responden (30.4%) menjawab setuju. Seterusnya 67 responden (24.8%) menyatakan tidak pasti. Manakala majoriti 90 responden (33.3%) menyatakan tidak setuju. Baki 7 responden (2.6%) menjawab sangat tidak setuju. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden sebenarnya tidak setuju jika dikatakan masjid tiada mempunyai takwim khas perjalanan program (kelas) pengajian.

Kurang program khas disusun atau dirancang untuk belia dan remaja. Seramai 41 responden (15.2%) menyatakan sangat setuju. Diikuti majoriti 93 responden (34.4%) menjawab setuju. Seterusnya 57 responden (21.1%) menyatakan tidak pasti. Manakala 72 responden (26.7%) menyatakan tidak setuju. Baki 7 responden (2.6%) menjawab sangat tidak setuju. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden sebenarnya setuju kurangnya program khas yang disusun atau dirancang oleh pihak masjid untuk belia dan remaja. Menurut Jalaludin Mat Yatim (2018), biasanya program untuk belia dan remaja diadakan terhad pada musim cuti penggal persekolahan sahaja.

### 3- Masalah Fasiliti

Jadual 3: Penilaian Terhadap Masalah-Masalah Program Pengimarahannya Masjid.  
(Masalah Fasiliti) (n=270)

Perkara	Sgt setuju	Setuju	Tidak pasti	Tidak setuju	Sgt tidak setuju
Peralatan audio sistem kurang memuaskan.	40 (14.8%)	68 (25.2%)	35 (13.0%)	111 (41.1%)	16 (5.9%)
Tiada pemancar LCD dan skrin disediakan	39 (14.4%)	88 (32.6%)	42 (15.6%)	88 (32.6%)	13 (4.8%)
Tiada papan putih disediakan	29 (10.7%)	77 (28.5%)	32 (11.9%)	118 (43.7%)	14 (5.2%)
Tiada komputer riba disediakan	34 (12.6%)	101 (37.4%)	67 (24.8%)	61 (22.6%)	7 (2.6%)
Kerosakan pembesar suara lewat dibaiki	35 (13.0%)	52 (19.3%)	49 (18.1%)	111 (41.1%)	23 (8.5%)

Dalam jadual 3 di atas, peralatan audio sistem kurang memuaskan. Seramai 40 responden (14.8%) menyatakan sangat setuju. Diikuti 68 responden (25.2%) menjawab setuju. Seterusnya 35 responden (13.0%) menyatakan tidak pasti. Manakala majoriti 111 responden (41.1%) menyatakan tidak setuju. Baki 16 responden (5.9%) menjawab sangat tidak setuju. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden sebenarnya tidak setuju dikatakan peralatan audio sistem masjid kurang memuaskan.

Tiada pemancar LCD dan skrin disediakan. Seramai 39 responden (14.4%) menyatakan sangat setuju. Diikuti 88 responden (32.6%) menjawab setuju. Seterusnya 42 responden (15.6%) menyatakan tidak pasti. Manakala 88 responden (32.6%) menyatakan tidak setuju. Baki 13 responden (4.8%) menjawab sangat tidak setuju. Hasil kajian ini menunjukkan kebanyakan responden sebenarnya setuju dikatakan tiada skrin pemancar LCD disediakan oleh pihak masjid.

Tiada papan putih disediakan. Seramai 29 responden (10.7%) menyatakan sangat setuju. Diikuti 77 responden (28.5%) menjawab setuju. Seterusnya 32 responden (11.9%) menyatakan tidak pasti. Manakala majoriti 118 responden (43.7%) menyatakan tidak setuju. Baki 14 responden (5.2%) menjawab sangat tidak setuju. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden sebenarnya tidak setuju dikatakan tiada papan putih disediakan oleh pihak masjid. Menurut pemerhatian penulis sendiri yang turut terlibat mengajar di masjid-masjid daerah Pekan, kebanyakan masjid ada menyediakan papan putih. Cuma kadangkala guru kurang menggunakannya. Namun demikian bagi guru yang mengajar ilmu Tajwid dan Faraid, mereka kerap menggunakannya bagi memudahkan hadirin memahaminya dengan melihat kaedah sebutan huruf-huruf al-Quran dan melihat cara pengiraan Faraid.

Tiada komputer riba disediakan. Seramai 34 responden (12.6%) menyatakan sangat setuju. Diikuti majoriti 101 responden (37.4%) menjawab setuju. Seterusnya 67 responden (24.8%) menyatakan tidak pasti. Manakala 61 responden (22.6%) menyatakan tidak setuju. Baki 7

responden (2.6%) menjawab sangat tidak setuju. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden sebenarnya setuju dikatakan tiada komputer riba disediakan oleh pihak masjid. Sebaliknya kebiasaanya guru-guru sendiri yang membawa laptop masing-masing semasa mengajar di masjid.

Kerosakan pembesar suara lewat dibaiki. Seramai 35 responden (13%) menyatakan sangat setuju. Diikuti 52 responden (19.3%) menjawab setuju. Seterusnya 49 responden (18.1%) menyatakan tidak pasti. Manakala majoriti 111 responden (41.1%) menyatakan tidak setuju. Baki 23 responden (8.5%) menjawab sangat tidak setuju. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden sebenarnya tidak setuju dikatakan kerosakan pembesar suara lewat dibaiki oleh pihak masjid. Menurut Mohd Al-Amin (2018), biasanya jika berlaku kerosakan pembesar suara, pihak masjid segera membaikinya supaya sesi kuliah dan laungan azan tidak terganggu oleh kerosakan tersebut.

Jadual 4: Kedudukan (Ranking) Masalah Utama Berkaitan Guru Agama (n=270)

<b>Perkara</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
1- Guru yang tidak hadir kuliah tidak diganti	2.95	1.099
2- Guru tidak hadir kuliah tanpa makluman	2.82	1.058
3- Penyampaian guru kurang difahami	2.80	1.154
4- Penyampaian guru kurang difahami	2.65	1.061
5- Guru tidak menggunakan kitab khas	2.60	1.046

Dalam jadual 4 di atas, hasil kajian mendapati masalah guru yang tidak hadir kuliah, tidak diganti merupakan masalah utama dengan nilai min 2.95. Diikuti guru tidak hadir kuliah tanpa makluman merupakan masalah kedua dengan nilai min 2.82. Seterusnya penyampaian guru kurang difahami merupakan masalah ketiga dengan nilai min 2.80.

Manakala penyampaian guru kurang difahami merupakan masalah keempat dengan nilai min 2.65 dan guru tidak menggunakan kitab khas merupakan masalah kelima dengan nilai min 2.60.

Jadual 5: Kedudukan (Ranking) Masalah Utama Berkaitan Program Pengajian (n=270)

<b>Perkara</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
1- Kurang program khas disusun atau dirancang untuk belia dan remaja	3.32	1.103
2- Kurang hebahan atau iklan dibuat	3.15	1.088
3- Kurang kelas khas untuk muslimat	3.13	1.034
4- Tiada takwim khas perjalanan program pengajian	3.09	1.044
5- Kurang dana (sumber kewangan) untuk menganjurkan program	3.04	1.115

Dalam jadual 5 di atas, hasil kajian mendapati masalah kurang program khas disusun atau dirancang untuk belia dan remaja oleh pihak masjid merupakan masalah utama dengan nilai min 3.32. Diikuti kurang hebahan atau iklan dibuat merupakan masalah kedua dengan nilai min 3.15. Seterusnya kurang kelas khas untuk muslimat merupakan masalah ketiga dengan nilai min 3.13. Manakala tiada takwim khas perjalanan program pengajian di masjid merupakan masalah keempat dengan nilai min 3.09 dan kurang dana (sumber kewangan) untuk menganjurkan program merupakan masalah kelima dengan nilai min 2.87.

Jadual 6: Kedudukan (Ranking) Masalah Utama Berkaitan Fasiliti (n=270)

<b>Perkara</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
1- Tiada komputer riba disediakan	3.34	1.044
2- Tiada pemancar LCD dan skrin disediakan	3.19	1.179
3- Peralatan audio sistem kurang memuaskan	3.01	1.223
4- Tiada papan putih disediakan	2.95	1.167
5-Kerosakan pembesar suara lewat dibaiki	2.87	1.204

Dalam jadual 6 di atas, hasil kajian mendapati masalah tiada komputer riba disediakan oleh pihak masjid merupakan masalah utama dengan nilai min 3.34. Diikuti tiada pemancar LCD dan skrin disediakan merupakan masalah kedua dengan nilai min 3.19. Seterusnya peralatan audio sistem kurang memuaskan merupakan masalah ketiga dengan nilai min 3.01. Manakala tiada papan putih disediakan merupakan masalah keempat dengan nilai min 2.95 dan kerosakan pembesar suara lewat dibaiki merupakan masalah kelima dengan nilai min 2.8

### **Penilaian Terhadap Masalah-Masalah Program Pengimaran Masjid Dan Langkah Penambahbaikan.**

Hasil kajian mendapati masalah berkaitan guru agama yang tidak hadir kuliah dan tidak diganti merupakan masalah utama dengan nilai min 2.95. Diikuti guru tidak hadir kuliah tanpa maklumat merupakan masalah kedua dengan nilai min 2.82. Seterusnya penyampaian guru kurang difahami merupakan masalah ketiga dengan nilai min 2.80. Manakala penyampaian guru kurang difahami merupakan masalah keempat dengan nilai min 2.65 dan guru tidak menggunakan kitab khas merupakan masalah kelima dengan nilai min 2.60.

Hasil kajian mendapati masalah berkaitan kelas pengajian di masjid, kurang program khas disusun atau dirancang untuk belia dan remaja oleh pihak masjid merupakan masalah utama dengan nilai min 3.32. Diikuti kurang hebahan atau iklan dibuat merupakan masalah kedua dengan nilai min 3.15. Seterusnya kurang kelas khas untuk muslimat merupakan masalah ketiga dengan nilai min 3.13. Manakala tiada takwim khas perjalanan program pengajian di masjid merupakan masalah keempat dengan nilai min 3.09 dan kurang dana (sumber kewangan) untuk menganjurkan program merupakan masalah kelima dengan nilai min 2.87.

Hasil kajian mendapati masalah berkaitan fasiliti atau peralatan masjid, tiada komputer riba disediakan oleh pihak masjid merupakan masalah utama dengan nilai min 3.34. Diikuti tiada

skrin pemancar LCD disediakan merupakan masalah kedua dengan nilai min 3.19. Seterusnya peralatan audio sistem kurang memuaskan merupakan masalah ketiga dengan nilai min 3.01. Manakala tiada papan putih disediakan merupakan masalah keempat dengan nilai min 2.95 dan kerosakan pembesar suara lewat dibaiki merupakan masalah kelima dengan nilai min 2.87.

### **Cadangan Dan Langkah Penambahbaikan**

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah diperolehi, beberapa cadangan dan saranan diutarakan bagi memperbaiki beberapa kelemahan dan kekurangan dari aspek perjalanan kelas pengajian agama, pengurusan masjid, guru agama dan pendengar. Cadangan dan saranan yang dikemukakan ini juga merupakan satu strategi bagi memastikan perjalanan kelas agama dan aktiviti masjid dapat diurus dengan lebih efektif dan sistematik bagi manfaat jangka masa panjang.

#### **1- Cadangan kepada pegawai dan ahli jawatankuasa masjid.**

Hasil kajian juga menunjukkan ada masjid yang tidak mempunyai pemancar dan skrin LCD. Maka disarankan pihak masjid dapat menyediakan kemudahan tersebut untuk sesi pembelajaran yang lebih efektif.

Berdasarkan hasil kajian mendapati ada sebahagian masjid yang tidak menyediakan kelengkapan untuk golongan orang kurang upaya (OKU) seperti tempat letak kereta khas, dan tandas khas. Oleh itu pihak pengurusan masjid disaran menyediakan kemudahan-kemudahan bagi golongan OKU seperti tempat letak kereta dan tandas khas untuk kegunaan mereka. Dengan adanya kemudahan-kemudahan tersebut secara tidak langsung menggalakkan golongan OKU menghadirkan diri mereka ke masjid dan mengikuti aktiviti anjuran masjid.

Hasil kajian menunjukkan pihak masjid tidak menyediakan komputer riba (laptop) kepada penceramah. Sebaliknya mereka sendiri yang membawanya ke masjid. Maka dicadangkan agar pihak masjid dapat menyediakan laptop kepada penceramah yang berhajat menggunakannya bagi membantu sesi pembelajaran lebih berkesan.

#### **2- Cadangan kepada guru agama (penceramah).**

Berdasarkan hasil kajian mendapati tidak ramai di kalangan penceramah yang menggunakan kemudahan alat bantuan mengajar (ABM) sewaktu mengajar di masjid. Oleh itu penceramah disarankan agar mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya sesi pengajaran mereka menjadi lebih menarik dan berkesan serta dapat menarik minat pendengar untuk hadir. Cadangan ini selari dengan kajian Fakhru Adabi Abdul Kadir (2006), yang menyatakan dalam konteks kelas agama, persepsi masyarakat mendapati guru atau penceramah yang mempunyai persediaan yang cukup dari aspek ilmu dan kemahiran mengajar akan lebih diminati oleh para pelajar.

Hasil kajian juga menunjukkan ada di kalangan penceramah yang tidak hadir kuliah tanpa memaklumkan kepada pihak masjid. Maka disarankan pihak masjid mewujudkan kumpulan whatsapp (*whatsapp grup*) penceramah bagi memudahkan sebarang urusan berkaitan kelas pengajian dan program masjid.

Hasil kajian juga mendapati ada di kalangan guru agama tidak menggunakan kitab khas sewaktu mengajar. Oleh itu disarankan guru agama menggunakan kitab khas bagi memudahkan pendengar mengikuti sesi pembelajaran.

Jika guru agama tidak menggunakan kitab khas dan sering kali menukar kitab, dibimbangi akan menyukarkan pendengar memberi tumpuan kepada subjek yang dipelajari. Saranan ini selaras dengan kajian Noraini Idris dan Shuki Osman (2009), yang menyatakan guru perlu sentiasa berikhtiar agar pelajar memahami apa yang diajar melalui pengajarannya agar tidak

mengelirukan mereka. Secara amnya, dalam mengajar sesuatu mata pelajaran, seseorang guru memerlukan pengetahuan dua perkara iaitu berkaitan isi kandungan yang diajar dan cara mengajar isi kandungan tersebut kepada pelajar. Selain itu, buku teks turut dapat membantu guru untuk memahami isi kandungan silibus. Mengajar itu satu profesion. Tidak semua orang boleh mengajar, kecuali mereka yang memiliki pengetahuan tentang apa dan bagaimana untuk mengajar.

Berdasarkan dapatan kajian, menunjukkan ada di kalangan guru agama, penyampaian mereka kurang difahami. Kajian ini selaras dengan kenyataan Abdullah Hasan dan Ainon Mohd (2002), yang menegaskan bahawa guru yang berkesan ialah guru yang berkarisma. Seseorang yang berkarisma hendaklah memiliki tiga unsur utama. Pertama ialah unsur keilmuan dan kepakaran. Kedua ialah unsur ketelusan bukannya munafik. Unsur ketiga ialah imej dan ketrampilan. Apabila seorang guru itu memiliki ketiga-tiga unsur tersebut pada dirinya, barulah dia memiliki kuasa karisma yang dapat mengubah sikap dan tingkah laku pelajarnya. Oleh itu disarankan agar guru agama membuat persediaan rapi sebelum mengajar dan menguasai isi kandungan pelajaran. Saranan ini juga disokong oleh Misnan Jemali et al. (2012), yang menyatakan penyampaian kuliah jangan terlalu meleret-leret tetapi hendaklah ringkas dan tepat. Guru perlu merangka dan merancang pengajaran supaya proses pengajaran menjadi sistematik dan tersusun. Sesuatu pengajaran yang tidak dirancang boleh menyebabkan pengajaran menjadi kurang sempurna dan tidak tersusun. Dalam memilih sesuatu kaedah pengajaran, seseorang guru perlu kepada objektif pengajaran yang hendak dicapainya terlebih dahulu.

### **3- Cadangan kepada pendengar (hadirin).**

Berdasarkan hasil kajian, didapati golongan tua atau pesara lebih ramai hadir ke masjid. Oleh itu dicadangkan kepada golongan tersebut supaya membawa bersama-sama mereka, anak-anak sama ada remaja atau belia hadir ke kuliah-kuliah agama di masjid.

Pepatah Melayu ada menyebut, “Kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya.” Ini bermaksud jika ingin mendidik dan membentuk peribadi anak-anak biarlah bermula dari kecil lagi. Hasil kajian juga mendapati golongan lelaki lebih ramai dari wanita hadir ke masjid. Oleh itu disarankan kepada para pendengar atau ahli jemaah lelaki supaya membawa bersama-sama mereka, ahli keluarga termasuk isteri, anak-anak perempuan di samping anak-anak lelaki ke masjid. Secara tidak langsung dengan cara ini, akan menambah bilangan kehadiran ahli jemaah wanita ke masjid. Dapatan kajian juga menunjukkan pendengar kurang selesa jika waktu kuliah berlanjutan sehingga selepas azan Isyak. Maka disarankan agar pendengar sendiri berbincang dan mencapai kata sepakat dengan pihak masjid untuk menyelaraskan masa kuliah di antara Maghrib dengan Isyak.

### **Penutup**

Sebagai penutup, institusi masjid mempunyai peranan besar dalam aspek pembangunan ummah. Usaha-usaha pengimarahkan masjid perlulah dilakukan secara berterusan. Semua pihak hendaklah bekerjasama dan berlapang dada membantu mengimarahkan program dan aktiviti keagamaan anjuran masjid. Masjid yang makmur ialah masjid yang ramai dengan bilangan ahli jemaah dan penuh dengan pengisian aktiviti keagamaan tanpa mengira waktu dan musim. Abdul Munir Ismail (2014), menyatakan akhlak dan ibadah mempunyai hubungan yang sangat rapat dan saling berkait antara akhlak, ibadah dan akidah. Ibadah bukan hanya bergantung kepada gerak geri perlakuan zahir seseorang tetapi tersirat dalam perlakuan ibadah iaitu akhlak. Contoh, ibadah solat adalah latihan ritual mempamerkan akhlak mulia di hadapan Allah SWT. Akhlak mulia sebagai kayu ukur bagi mengetahui tahap pengabdian seorang muslim kepada Allah SWT melalui ibadah solat, puasa, haji dan sebagainya. Namun begitu, sejarah tamadun

manusia memperlihatkan akhlak mengalami proses kemerosotan akibat manusia mengenyahkan ajaran Islam. Hasil pengimarah masjid, masyarakat sekitar akan hidup tenteram, harmoni dan sejahtera serta jauh daripada gejala-gejala sosial yang mencemarkan nilai-nilai akhlak mulia.

### Rujukan

- Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan*. (2007). Penerbit Yayasan Restu. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor Darul Ehsan.
- Abd Jalil Borham et al. (2011). *Mengangkasa Modal Insan: Isu Dan Cabaran*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang. Kuantan Pahang Darul Makmur.
- Ahmad Zaki Abd. Latif. (2007). *Pentadbiran Masjid Secara Profesional*. Yayasan Islam Hadhari, Putrajaya, Kuala Lumpur.
- Aidh Abdullah Al-Qarni. (2006). *Menjadi Umat Yang Berjaya Membangun Masyarakat Ideal*. Jasmin Enterprise Kuala Lumpur.
- Al-Hafiz Imaduddin Ismail Ibnu Katsir. (1995). *Tafsir Al-Quran Al-Azim*. Dar Khair, Beirut.
- Alias Abdullah. (2008). Tesis P.hD. *Program Masjid di Kuala Terengganu: Kajian Tentang Keberkesannya*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Baharin Ilias. (2014). *Masjid-Masjid Di Kelantan, Malaysia*. Penerbit Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, Kelantan.
- Bani Hidayat Mohd Shafie et al. (2015). *Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani*. (Malaysian Journal Of Youth Studies) .
- Bernard Lewis And Buntzie Ellis Churchill. (2008). *Islam The Religion And The People*. Wharton School Publishing. New Jersey, U.S.A.
- Bhasah Abu Bakar. (2007). *Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah*. Utusan Publications & Disribitors, Kuala Lumpur.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 5, Ujian Regresi, Analisis Faktor Dan Analisis SEM*. Edisi Kedua. Mc Graw Hill Education. Kuala Lumpur.
- Daing Nasir Ibrahim. (2017). *Ambil Peluang Bangunkan Sahsiah Diri*. Artikel Akhbar Sinar Harian. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- David de Vaus. (2014). *Surveys In Social Research. 6TH Edition*. University Of Queensland Routledge, New York. USA.
- Emily Stier And Roger Clark. (2015). *An Invitation To Social Research How It's Done*. Fifth Edition. USA: Cengage Learning.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2006). *Membina Peribadi Muslim*. Karya Bestari Sdn. Bhd. Shah Alam Selangor Darul Ehsan.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2008). *Pengajian Takmir Masjid di Terengganu: Sambutan Masyarakat Islam.(Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Jil.1)* Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Darul Iman Malaysia, Kampus KUSZA, Gong Badak, Kuala Terengganu.
- Erma Yusnida Jusoh. (2018). *Jana Pendapatan Baharu*. Artikel Akhbar Sinar Harian. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Fatimah Nadirah Mohd Noor. (2012). *Program Pembangunan Insan Dalam Kalangan Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT): Masalah Dan Penyelesaian*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Fatimah Tambi et al. (2011). *Transformasi Profesionalisme Keguruan Menjana Kualiti Guru*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru 2011. Penerbit Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fauzi Hussin et al. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS*. Penerbit Universiti Utara Malaysia Sintok, Kedah.
- Hashnan Abdullah. (2017). *Kenali Islam Melalui Hari Terbuka Masjid*. Artikel Utusan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Ibrahim Soleh Al-Khudairiy. (2001). *Ahkam Al-Masajid Fi Al-Syariah Al-Islamiyyah*. Dar Al-Fadhilah, Riyadh.
- Idris Sulaiman. (2016). *Kedudukan Masjid dalam Islam*. Artikel Akhbar Sinar Harian. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Jabil Mapjabi. (2013). *Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Pendekatan Dan Peranan Institusi*. Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor.
- Jasser Auda. (2014). *Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid Dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*. Penterjemah, Marwan Bukhari A. Hamid. Penerbit PTS Islamika SDN.BHD. Selangor Darul Ehsan.
- Jawiah Dakir dan Rosilawati Mohd Hanapi (2016). *Wacana Peradaban Menjana Modal Insan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor Darul Ehsan.
- Jawiah Dakir. (2008). *Dasar Dan Kaedah Pembentukan Masyarakat Islam Menurut Perspektif Al-Sunnah*. International Law Book Services. Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
- Jeefry Mohd Nordin. (2018). *NGO Bersih Masjid Galak Masyarakat Bekerjasama*. Artikel Akhbar Sinar Harian. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Johari Yap. (2017). *Masjid Perlu Mesra Dakwah*. Artikel Akhbar Sinar Harian. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Mohd Faez Ilias. (2011). *Penggunaan Masjid Dan Persekitaran Sekolah Dalam Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. (Kertas Kerja Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa di IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia). Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mahdzir Khalid. (2017). *Kementerian Berhasrat Perkasa Sukatan Ulul Albab, STEM*. Artikel Akhbar Sinar Harian. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Majdi Al-Hilaliy. (2015). Penterjemah Adam Syafaat et al. *Di Hati Kita Bermula*. Penerbit Karya Bestari Grup Buku Karangkrif SDN.BHD. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Mansor Sulaiman. (2012). Tesis P.hD. *Hubungan Sunnah Allah Dan Pembinaan Akhlak Dalam Kebangsaan Tamadun: Analisis Terhadap Tamadun Arab Islam Zaman Rasulullah*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norrodzah Hj. Siren dan Yusmini Md. Yusoff. 2003. *Membangun Institusi Masjid*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nur Jazlan Mohamed. (2017). *Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Rekod 60 hingga 70 Penagih Baharu Setiap Hari*. Artikel Akhbar Sinar Harian. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Omar Zakaria. (2012). Tesis P.hD. *Penggunaan Kitab Dalam Komunikasi Dakwah: Kajian Kes Terhadap Pengajian Agama Di Masjid Dan Surau Di Selangor dan Negeri Sembilan*. Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Paimuzi Yahya. (2017). *Pengimarahkan Masjid Di Malaysia: Prestasi Dan Peranan Kepimpinan*. (Kertas Kerja Konvensyen Imarah Masjid Serantau). Anjuran Bersama



- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Bank Islam dan Surau Wakaf Ahmad Dawje Dadabhoy. Kuala Lumpur.
- Puji Astari. (2014). *Mengembalikan Fungsi Masjid Sebagai Pusat Peradaban Masyarakat*. (Jurnal Ilmu Dakwah Dan Pengembangan Komunitas).
- Qasim Ahmad. (2016). *Penyelidikan: Pendekatan Dan Cabaran*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Roslan Mohamed. (2008). *Pemeriksaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional*. (Kertas Kerja Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Shaikh Ali Mohamed Mokhtar. (2003). *Peranan Masjid Dalam Islam*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- Syed Nazmi Tuan Taufek. (2017). *50 Adab Di Masjid*. Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. Terengganu Darul Iman.
- Taha Abdul Rahman. (2000). *So'al Al-Akhlak*. Al-Markaz Al-Thaqafiy al-Arabiy. Al-Maghrib.
- Ulwan Aliy Athiyyah Al-Hamawiy. (2004). *Asna Al-Maqasid Fi Ta'zim Al-Masajid*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut.
- Umar Muhammad Noor. (2013). *Kompas Umat Akhir Zaman Membina Akhlak Berasaskan Akidah Hari Pembalasan*. Penerbit Telaga Biru Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri.(2015). *Kit Mudah: Memperkasakan Pengurusan Masjid*. Pustaka Cahaya Kasturi. SDN. BHD. Cetakan Pertama 2015. Bandar Baru Nilai. Negeri Sembilan.